



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

**SYARAT-SYARAT LESEN ALAT MENANGKAP IKAN BAGI
NELAYAN KECIL-KECILAN **PERSENDIRIAN (PENUH MASA)**
BAGI ALAT ANDANG (KARAN), ANDANG JARANG, ANDANG KATAM, ANCAU,
PUKAT DUAI/PANAU, PEGUYUT, PUKAT KIKIS, RAMBAT, PUKAT
KEMBURA/PUKAT KUASI, BUBU, RANTAU, JAUL DAN RAWAI
DI BAWAH SEKSYEN 8 (1) AKTA PERIKANAN, PENGGAL 61**

1. Lesen alat menangkap ikan (bilangan) adalah untuk alat **(Andang (Karan), Andang Jarang, Andang Katam, Ancau, Pukat Duai/Panau, Peguyut, Pukat Kikis, Rambat, Pukat Kembura/Pukat Kuasi, Bubu, Rantau, Jaul, Rawai)** yang dipunyai oleh (nama pemilik) dan jika menggunakan perahu (injin motorsangkut) yang berdaftar dengan bilangan
2. Pemegang lesen hendaklah tidak menukar milik, menjual, menyewa atau memberikan manfaat lesen kepada orang lain.
3. Kad nelayan hendaklah dibawa bersama semasa beroperasi menangkap ikan.
4. Pemegang lesen **ditegah** :-
 - a. menangkap ikan di luar kawasan perairan Negara Brunei Darussalam;
 - b. menangkap ikan di kawasan Rizab Laut dan Taman Laut (*Marine Reserve and Marine Park*) ;
 - c. menggunakan alat selam semasa menangkap ikan;
 - d. menggunakan bahan-bahan letupan, racun, kimia, alat peranti elektrik dan senapang tempuling semasa menangkap ikan;
 - e. perahu dari bersauh atau berlabuh termasuk melabuh dan menahan alat bubu di kawasan takat-takat asli dan tiruan;
 - f. menyebabkan kerosakan kepada *Fish Aggregating Device* seperti lawa-lawa, payau dan unjang;
 - g. memungkah ikan dari atau kepada kapal/perahu nelayan asing;
 - h. menghampiri atau menangkap ikan di kawasan 500 meter dari sangkar ternakan ikan luar pantai;
 - i. menghampiri atau menangkap ikan di kawasan 30 meter dari sangkar ternakan ikan persisiran pantai, teluk dan sungai;
 - j. bersauh, berlabuh atau bertambat berhampiran dengan sangkar ternakan ikan persisiran pantai termasuk sungai-sungai; dan



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

- k. membuang sebarang peralatan menangkap ikan samada yang telah rosak atau yang tidak digunakan lagi di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam serta hendaklah dibuang di kawasan pembuangan sampah yang bersesuaian.
5. Jumlah atau ukuran alat tidak boleh ditambah daripada yang dinyatakan di dalam lesen.
6. **Alat rantau:-**
 - a. hendaklah **tidak melebihi 732 meter setiap set** dan saiz mata pukat **tidak kurang 127 mm (5 inci)** jika ditarik;
 - b. tidak boleh dikendalikan oleh nelayan-nelayan yang terdiri daripada pekerja warganegara asing;
 - c. tidak boleh beroperasi di dalam kawasan-kawasan pelaluan kapal; dan
 - d. hendaklah dipasang lampu jika beroperasi pada waktu malam dan boleh dilihat oleh semua pelaut.
7. Sebarang **alat andang:-**
 - a. hendaklah **tidak melebihi 2 set** bagi setiap pemegang lesen dan panjang **tidak lebih 366 meter setiap set**;
 - b. hendaklah mempunyai saiz mata pukat **tidak kurang 127 mm (5 inci)** jika ditarik khususnya bagi alat andang jarang/lamas; dan
 - c. tidak dibenarkan untuk ditunda dengan menggunakan perahu atau dengan apa cara sekalipun semasa beroperasi menangkap ikan.
8. **Alat rawai** hendaklah **tidak melebihi 52 mata** kail bagi setiap pemegang lesen dan hendaklah beroperasi di kawasan perairan Zon 1B iaitu 3.1 batu nautika dari pantai ke atas sahaja mengikut senarai koordinat yang dilampirkan dalam **Lampiran A – ZON 1B**.
9. **Alat bubu** hendaklah **tidak melebihi 20 biji** bagi setiap pemegang lesen dan saiz mata pukat **tidak kurang 60mm** dan hendaklah beroperasi di kawasan perairan Zon 1B iaitu 3.1 batu nautika dari pantai ke atas sahaja mengikut senarai koordinat yang dilampirkan dalam **Lampiran A – ZON 1B**.
10. Pemegang lesen hendaklah memastikan supaya mana-mana ikan atau spesies yang dinyatakan di bawah yang ditangkap hendaklah dilepaskan dengan serta-merta tanpa merosakkan ikan atau spesis berkenaan:-
 - a. udang bakara yang bertelur;



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

- b. udang bakara yang mempunyai ukuran panjang kepala kurang daripada 7.5cm;
 - c. ketam yang bertelur;
 - d. ketam yang mempunyai ukuran lebar badan kurang daripada 11.5cm;
 - e. udang galah yang bertelur;
 - f. semua spesies ikan yu;
 - g. ikan lumba-lumba (*dolphin*);
 - h. dugong; dan
 - i. penyu.
11. Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan menghantar kepada Jabatan Perikanan laporan-laporan berikut dengan cara yang diarahkan:-
- a. Jumlah hasil tangkapan ikan sebenar setiap kali mendarat termasuk jenis spesis, berat dan nilai;
 - b. Lokasi koordinat aktiviti menangkap ikan sebenar setiap kali mendarat; dan
 - c. Laporan atau maklumat lain yang dikehendaki oleh Jabatan Perikanan.
12. Pemegang lesen hendaklah mematuhi Akta Perikanan, Penggal 61 serta undang-undang dan peraturan-peraturan Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Nota:-

- Kadar yuran lesen alat-alat menangkap ikan adalah seperti dalam **Lampiran B**
- Nelayan kecil-kecilan yang telah mempunyai lesen sebelum 1 Januari 2008 bagi alat menangkap ikan yang dibekukan, dibenarkan untuk membaharui lesen tahunan sebelum 31 Disember setiap tahun. Walau bagaimanapun, jika lesen tersebut mansuh dan tidak dibaharui sebelum 31 Disember, Jabatan Perikanan tidak akan mempertimbangkan permohonan untuk membaharui lesen bagi alat menangkap ikan yang dibekukan tersebut.
- Pengarah Perikanan berhak dan boleh menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.
- Pegawai-Pegawai Jabatan Perikanan Yang Diberi Kuasa hendaklah dibenarkan untuk menjalankan pemeriksaan pada bila-bila masa.
- Perahu hendaklah dilengkapi dengan alat *Global Positioning System (GPS)* dan Radio VHF yang mudah-alih semasa beroperasi menangkap ikan dan peralatan-peralatan keselamatan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) seperti pelampung (*Life Buoy*), jaket keselamatan (*Life Jacket*), sauh dengan tali/rantai, pengayuh, lampu navigasi, *Personal Locator Beacon (PLB)*, timba dan lain-lain semasa beroperasi menangkap ikan di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam.
- Merujuk kepada Bab 3 dan 4, Perintah Perkapalan Pedagang (Zon-Zon Keselamatan), 1988 dan Pindaan 2013 di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), pemilik perahu atau nelayan adalah ditegah memasuki atau berlabuh di kawasan perairan:
 - jarak lingkungan 500 meter dari binaan atau pemasangan luar pantai yang diukur dari setiap sudut hujung binaan atau pemasangan yang terletak di dalam perairan Negara Brunei Darussalam termasuk pelantar-pelantar minyak; dan
 - enam (6) zon-zon keselamatan yang dinyatakan dalam Jadual Perintah Perkapalan Pedagang (Zon-Zon Keselamatan), 1988.

Jika mana-mana pihak yang didapati tidak mematuhi peruntukan-peruntukan tersebut, boleh diambil tindakan di bawah Bab 132(6), Perintah Perkapalan Pedagang, 2002 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga B\$100,000 atau penjara sehingga sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya sekali, dan perahu boleh ditahan oleh pihak berkuasa.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

- Perahu yang digunakan hendaklah mempunyai sijil pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam.
- Pemandu perahu hendaklah melaporkan kepada *Muara Signal Station* atau *Kuala Belait Signal Station* semasa keluar ke laut beroperasi dan semasa masuk selepas beroperasi.
- Lesen boleh dibatalkan atau digantung pada bila-bila masa jika didapati mana-mana syarat-syarat lesen, undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan dan apa-apa sekatan atau remedi lain yang diperuntukkan di bawah Akta Perikanan, Penggal 61 atau undang-undang dan peraturan-peraturan Negara Brunei Darussalam tidak dipatuhi.
- Syarat-syarat lain adalah seperti yang dikuatkuasakan di bawah Akta Perikanan, Penggal 61 dan Peraturan-Peraturan Perikanan yang ada.
- Kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen adalah merupakan satu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Perikanan, Penggal 61 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi B\$10,000 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.




**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Saya dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.

Nama : _____
Jawatan : _____
Alamat : _____

No. Kad Pengenalan : _____
No. Telefon : _____ (ofis) _____ (hp) _____ (fax)
Emel : _____
Tandatangan : _____
Tarikh : _____
Bilangan Lesen : _____



=====

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Pegawai Yang Diberikuasa :

Nama : _____
Jawatan : _____
Tandatangan : _____
Tarikh : _____

